

Pelajar UMP hasilkan penawar kencing manis

BERITA HARIAN (NASIONAL) 10 MAC 2016 m/s 29

» Seah Hui Ni terima anugerah 'Best of the Best' UMP

Oleh Nik Sukry Ramli
niksukry@bh.com.my

■ Kuantan

Pelajar Tahun Tiga Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli, Universiti Malaysia Pahang (UMP), Seah Hui Ni, dinobatkan sebagai penerima anugerah 'Best of the Best' kategori pelajar melalui Ekspo Rekapipta, Inovasi, Teknologi dan Penyelidikan (CITREX) sempena Hari Terbuka UMP di kampus Gambang di sini, semalam.

Hui Ni, 23, dari Pontian, Johor menghasilkan penawar penyakit diabetes atau kencing manis daripada tumbuh-tumbuhan herba misai kucing atau nama saintifiknya, orthosiphon stamineus dalam bentuk kapsul.

Projek bertajuk 'Mikrokapsul kaya dengan bahan phenolic daripada misai kucing' atau Phenolic-Rich Microcapsule From Orthosiphon Stamineus itu menewaskan 23 penyertaan lain, sekali gus me-



Dr Daing Nasir (tengah) mendengar penerangan Hui Ni mengenai penawar kencing manis yang dihasilkannya pada Ekspo Rekapipta, Inovasi, Teknologi dan Penyelidikan (CITREX) sempena Hari Terbuka UMP di Gambang.

[FOTO MOHD RAFI MAMAT /BH]

layakkan ciptaannya itu menerima pingat emas.

Beliau yang berbangga dan berpuas hati apabila hasil usahanya selama ini membuahkan kejayaan, berkata produk itu juga akan dikomersialkan.

"Saya sudah menandatangani perjanjian bersama sebuah syarikat, iaitu Cosway pada tahun 2014. Syarikat berkenaan akan memasarkan kapsul misai kucing ini.

"Saya memilih menghasilkan kapsul misai kucing atas

beberapa faktor iaitu selain membantu pesakit diabetes, bahan asas ini sangat mudah diperolehi tanpa membabitkan kos tinggi," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Lipat gandakan promosi

Majlis Perasmian Penutup dan Penyampaian Anugerah dilakukan Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim.

Sementara itu, Daing Nasir dalam ucapannya berkata, pengumuman CITREX yang me-

masuk edisi keempat itu menyaksikan banyak hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) baharu ditampikan pelajar serta kakitangan akademik universiti berkenaan.

Katanya, lebih banyak pambahbaikan boleh dilakukan pada edisi akan datang dan meminta jawatankuasa pengurusan dapat melipatgandakan promosi supaya ekspo itu dapat menarik penyertaan lebih banyak pemain industri serta kehadiran pelajar sekolah menengah.